

BULETIN  
**Geo****spatial**  
*Negeri Perak*  
Edisi 2/2016



**GEOGRAPHIC INFORMATION SYSTEM**



Rohani binti Md Hashim  
Pengarah,  
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa,  
Perak Darul Ridzuan.

Assalamualaikum w.b.t , Salam Sejahtera dan  
Salam Perak Amanjaya,

Syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan izin dan inayah-Nya dapat kita bersua lagi dalam Buletin Geospacial Negeri Perak Edisi Bil. 2 Tahun 2016. Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih saya kepada barisan redaksi dan semua yang terlibat dalam menjayakan penerbitan buletin ini.

Antara intipati kandungan buletin kali ini merangkumi enam (6) rencana yang dapat dibaca oleh pembaca bagi meningkatkan pengetahuan dalam bidang geospacial dan bidang yang berkaitan dengannya. Antaranya adalah Info GIS iaitu pengenalan daerah ke-12 dalam Negeri Perak, Peta Interaktif PerakGIS memaparkan beberapa modul dan submodul yang telah siap dihasilkan oleh Unit PerakGIS, menggabungkan, memaparkan dan menyimpan data tertentu menggunakan Quantum GIS, pengenalan Sistem Maklumat e-Desa yang telah dibangunkan semula oleh Unit PerakGIS, Info Teknologi Maklumat (IT) yang menitikberatkan isu keselamatan maklumat dan aktiviti - aktiviti dari bulan Ogos hingga November yang diurus selia oleh PerakGIS.

Kelestarian penerbitan ilmiah ini harus dilihat sebagai satu usaha murni dalam mempromosikan pengetahuan berkaitan geospacial kepada pengguna geospacial. Saya berharap segala inisiatif yang diambil oleh Unit PerakGIS ini dapat mempromosikan aktiviti geospacial pada tahap yang lebih meluas dan dimanfaatkan oleh semua pihak.

Rohani binti Md Hashim  
Pengarah,  
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa,  
Perak Darul Ridzuan.

## **MENARIK DI DALAM**

**INFO GIS**

**PETA INTERAKTIF PERAKGIS**

**QUANTUM GIS**

**E-DESA**

**INFO I.T**

**AKTIVITI**

## **SIDANG REDAKSI**

**Penasihat**

Rohani binti Md Hashim

**Ketua Editor**

Khairil bin Khalid

**Editor**

Nur Aznim binti Mohamed Azizi

Mior Muhammad Nazirul bin Saperi

Nurul Safinah binti Mohd Shahairi

Mohd Hafiz bin Mohd Ghazali

## BAGAN DATUK DAERAH KE-12 DI NEGERI PERAK

Daerah Bagan Datuk pada asalnya terletak di bawah pentadbiran Daerah Hilir Perak. Pada 15 Jun 2016, daerah ini telah dinaiktaraf daerah penuh dan diwartakan sebagai daerah pentadbiran yang Ke-12 di Negeri Perak. Pewartaan adalah melalui warta kerajaan No. 1570 dan subseksyen 11(A) Kanun Tanah Negara 1965.

Daerah Bagan Datuk telah dinaiktaraf setelah mendapat perkenan daripada Sultan Perak, Sultan Nazrin Shah serta hasil persetujuan kerajaan negeri dan kabinet.



Rajah diatas menunjukkan daerah Bagan Datuk

Secara amnya, daerah ini dinaiktaraf selaras dengan pembangunan yang dirancang di daerah ini seperti Pembangunan Perak Heavy Industrial Park dan Bagan Datuk Water City.

Daerah Bagan Datuk telah dibahagikan kepada empat mukim iaitu Mukim Bagan Datuk, Mukim Hutan Melintang, Mukim Rungkup dan Mukim Teluk Baharu.

Pembahagian mukim ini melibatkan 46 buah kampung dengan keluasan 94,969,892 hektar. Jumlah penduduk mengikut pecahan mukim adalah seramai 13,700 orang di Bagan Datuk, 11,600 orang di Rungkup, 36,000 orang di Hutan Melintang dan 9000 orang di Teluk Baharu. Keseluruhan jumlah penduduk di daerah Bagan Datuk adalah seramai 70,300 orang.

Pada 16 Jun 2016, Dato Hamzah Hussin telah dilantik sebagai Pegawai Daerah Bagan Datuk yang pertama. Pewartaan daerah Bagan Datuk sebagai daerah baru di negeri Perak telah membentuk 28,139 hak milik berdaftar di dalam daerah di mana ia melibatkan 19,136 hak milik Pejabat Tanah dan 9,003 hak milik Pejabat Pendaftar.

Selanjutnya di:

Berita Awani (3 Januari 2016). Bagan Datoh daerah kecil baharu di Perak, <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/bagan-datoh-daerah-kecil-baharu-di-perak-ahmad-zahid-87791>

Berita Harian (19 Julai 2016). Bagan Datoh daerah ke-12 Perak, <http://www.utusan.com.my/berita/nasional/bagan-datoh-daerah-ke-12-perak-1.355194>

Mstar Online (24 Julai 2016). Bagan Datoh Kini Daerah Baharu Di Perak, <http://www.mstar.com.my/berita/berita-semasa/2016/07/24/bagan-datoh-kini-daerah-baharu-di-perak/>

Perak Today (9 Ogos 2016). Bagan Datoh Bakal Membangun Dengan Pesat, <http://peraktoday.com.my/2016/08/bagan-datoh-bakal-membangun-dengan-pesat/>

Sambungan dari edisi 1/2016..


**MODUL 11 : PERHUTANAN**

Modul ini mengandungi maklumat – maklumat perhutanan di Negeri Perak yang dibekalkan oleh Jabatan Perhutanan Negeri Perak. Terdapat lapan (8) lapisan data bagi modul ini. Antaranya adalah Hutan Simpan Kekal (Hutan Darat), Hutan Simpan Kekal (Hutan Paya Laut), Hutan Perlindungan Tanah (>1000m), Hutan Simpanan Hutan Dara, Hutan Tebus Guna Tanah dan Hutan Lipur.


Untuk makluman, perkongsian data secara “*softcopy*” atau “*hardcopy*” perlu mendapat kebenaran daripada Jabatan Perhutanan Negeri Perak. Data – data ini hanya untuk paparan bagi Peta Interaktif PerakGIS sahaja.




Rajah 1 : Paparan lokasi Hutan Lipur di Daerah Kinta



Rajah 2 : Paparan lokasi Hutan Perlindungan Tanah (>1000m) di Daerah Kuala Kangsar dan Larut Matang




Rajah 3 : Paparan lokasi Hutan Simpan Negeri di Daerah Hulu Perak



Rajah 4 : Paparan lokasi Tebus Guna Tanah di Daerah Kerian dan Larut Matang

## MODUL 12 : PERTANIAN & PENTERNAKAN

Modul ini mengandungi empat (4) lapisan data yang dibekalkan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Perak iaitu Lokasi Padang Ragut Negeri Perak, Ladang Penterernakan Unggas, Ladang Penterernakan Puyuh dan Ladang Penterernakan Babi. Manakala dua (2) lapisan data lagi dibekalkan oleh Jabatan Pertanian Negeri Perak iaitu Data Tinjauan Tanah Tanih dan Gunatanah Pertanian. Perincian bagi modul ini hanya dapat diakses oleh pihak pengurusan tertinggi dan agensi kerajaan yang berdaftar sahaja.



Rajah 1 : Paparan lokasi Ladang Penterernakan Unggas di Daerah Kerian




Rajah 2 : Paparan lokasi Tinjauan Tanah Tanih di Daerah Batang Padang

## MODUL 13 : PELANCONGAN

Modul ini mengandungi tiga (3) sub modul iaitu Makanan & Minuman (F&B), Kemudahan Penginapan dan Lokasi Tarikan Pelancongan.

Bagi sub modul Makanan & Minuman (F&B), terdapat dua (2) sub modul iaitu Restoran Makanan Segera dan Restoran. Sub modul Restoran mengandungi empat (4) lapisan data iaitu Ipoh Food Trail, Restoran India Muslim, Restoran Cina dan Kafe. Sub modul Kemudahan Penginapan pula mengandungi tiga (3) lapisan data iaitu Rumah Rehat, Rumah Inap dan Hotel. Lokasi hotel dipaparkan mengikut taraf hotel tersebut. Sub modul Lokasi Tarikan Pelancongan pula mengandungi empat (4) lapisan data iaitu 10 ikon Pelancongan, Lokasi Pelancongan Warisan, Lokasi Pelancongan Semulajadi dan Taman Tema.



Rajah 1 : Paparan lokasi Ipoh Food Trail di Daerah Kinta



Rajah 2 : Paparan lokasi Pelancongan Warisan di Daerah Larut dan Matang

## DATA MANAGEMENT TOOLS, COLUMN FILTER DAN SAVE ONLY SELECTED FEATURES

Pada edisi ini, pengguna akan mempelajari bagaimana untuk menggabungkan data, memaparkan data tertentu sahaja dan menyimpan data yang dipilih sahaja.


### Mendaftar Data Vektor

- 1) Mulakan aplikasi QGIS
- 2) Klik pada menu *Layer > Add Layer > Add Vector Layer*
- 3) Dialog *Add Vector Layer* dipaparkan
- 4) *Browse data* yang akan dimasukkan dan klik *Open*

### Menggabungkan Data

Menggunakan beberapa dokumen *shapefile* di dalam folder menjadi satu dokumen *shapefile* yang baru. Dokumen tersebut hanya boleh digabungkan mengikut bentuk geometri data yang sama.

- 1) Mulakan aplikasi QGIS
- 2) Klik pada menu *Vector > Data Management Tools > Merge Shapefiles to One*
- 3) Dialog *Merge Shapefiles* dipaparkan
- 4) *Tick* pada kotak *select layers in the folder*
- 5) *Browse file* yang akan digabungkan
- 6) Letakkan nama baru bagi *layer* yang akan digabungkan
- 7) *Tick* pada kotak *add result to map canvas* untuk memaparkan hasil
- 8) Klik OK





### Memaparkan Data Tertentu Sahaja


#### Pecahan Data Lot Kadaster Mengikut Daerah

Penggunaan *Field Filter* di dalam *attribute table* adalah memilih data dikehendaki bagi memudahkan pengguna mengenalpasti data tersebut lebih terperinci.

- 1) Mulakan aplikasi QGIS dengan data yang telah digabungkan
- 2) Klik pada menu *Layers > Open Attribute Table*
- 3) Dialog *Attribute Table* dipaparkan
- 4) Klik pada menu *Show All Features > Column Filter > Daerah*
- 5) Taip Kod Daerah di ruangan
- 6) Klik *Apply*



7) Jumlah lot yang telah diasingkan dipaparkan





**Menyimpan Data yang dipilih sahaja**

**Penyimpanan Data**

Menggunakan *Save As Selection* bagi menyimpan data yang telah dikenalpasti.

- 8) *Highlight* pada satu row dan tekan *Ctrl +A* untuk memilih semua maklumat yang telah di tapis
- 9) Maklumat yang telah dipilih akan diwarnakan dengan warna kuning pada paparan peta
- 10) Untuk menyimpan layer mengikut daerah, klik pada *menu Layer > Save As*




11) *Dialog Save Vector Layer As* akan dipaparkan

12) Maklumat yang perlu di isi adalah :

- Format : ESRI Shape file*
- Save as : Nama layer yang akan disimpan*
- CRS : default*

- 13) *Tick* pada bahagian *Save Only Selected Features*
- 14) Klik OK
- 15) Layer baru yang diasingkan akan dipaparkan



## Kronologi Sistem Maklumat e-Desa

Sistem e-Desa telah mula dibangunkan ekoran cetusan idea Y.A.B Menteri Besar Perak dan dilancarkan pada 14 April 2005. Sistem Maklumat e-Desa ini telah dibangunkan oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Perak pada awalnya dan telah diserahkan sepenuhnya kepada Unit PerakGIS pada Jun 2013.

**Portal Rasmi e-Desa PERAK DARUL RIDZUAN**  
Unit PerakGIS Tingkat 13, Bangunan Perak Techno Trade Centre (PTTC), Bandar Meru Raya, Jalan Jelapang 30020 Ipoh, Perak

Laman Utama Mengenai Kami Modul Kampung Modul Produk Manual Pengguna Hubungi Kami Admin

Daerah Kuala Kangsar  
Daerah Kerian  
Daerah Hilir Perak

Rancangan Tempatan

Selasa : 20 Disember 2016.

**Laman Utama**  
Selamat Datang ke Portal e-Desa. Portal ini memaparkan maklumat berkaitan Kampung Melayu Tradisional di dalam Negeri Perak. Pihak kami masih mengemaskini maklumat ini ianya akan terus diperkemas dari masa ke semasa. Sebarang makluman atau cadangan bolehlah menghubungi pihak kami seperti yang tertera.

**Statistik Bil. Kampung (Semasa)**

Daerah	Bilangan Kampung
Kuala Kangsar	125
Hulu Perak	59
Selama	32
Manjung	54
Kerian	95

**BERITA TERKINI**  
Semak acara terkini, berita dan aktiviti:  
**Mukim Kuala Kurau**  
1) Kampung Batu 14/Parit Sungai Melan  
**Mukim Parit Buntar**  
1) Kampung Tanah Kebun  
**Mukim Selinsing**  
1) Kampung Jalan Gula  
**Mukim Tanjung Piandang**  
1) Kampung Sungai Baharu  
**TAHNTAH diraikan kepada para**

20 December 2016

Sun	Mon	Tue	Wed	Thu	Fri	Sat
27	28	29	30	1	2	3
4	5	6	7	8	9	10

Rajah 1 : Menunjuk paparan utama aplikasi Portal e-Desa Negeri Perak

## Skop Kajian

1

### Pengumpulan Data

- Cerapan jajaran jalan seluruh kampung
- Cerapan sempadan kampung
- Cerapan data lokasi taburan rumah & gambar
- Cerapan data lokasi taburan kemudahan awam

### Penyuntingan Data

Data-data lapangan akan disunting mengikut standard yang telah ditetapkan untuk dimuatnaik ke dalam pangkalan data.

2

3

### Kemasukan Data

- Data-data yang telah disunting akan di masukkan ke dalam sistem kemasukan data yang telah disediakan.
- Antara maklumat yang perlu dimasukkan ke dalam sistem adalah: Modul Kampung & Modul Produk

### Persembahan Data

Data-data yang telah siap akan dipaparkan dalam sistem eDesa

4


## Status Semasa

Sehingga tahun 2016, Unit PerakGIS telah melaksanakan proses pengumpulan data, pengemaskinian data dan bengkel kepada JKKK di lapan (8) daerah Negeri Perak iaitu :

- 1) Kuala Kangsar
- 2) Hulu Perak
- 3) Selama
- 4) Manjung
- 5) Kerian
- 6) Hilir Perak
- 7) Bagan Datuk
- 8) Larut Matang

Pada tahun 2017 dan seterusnya, Unit PerakGIS akan menyelesaikan baki lagi lima (5) daerah iaitu :

- 1) Kampar
- 2) Muallim
- 3) Perak Tengah
- 4) Kinta
- 5) Batang Padang



### Petunjuk

-  Selesai sehingga tahun 2016
-  Daerah yang akan datang

# PENIPUAN SATU KLIK

Penipuan "satu-klik" merujuk kepada penipuan yang melibatkan wang. Ianya memaparkan skrin untuk bayaran tertentu seperti yuran pendaftaran atau bayaran penggunaan perkhidmatan selepas imej atau video diklik pada laman sesawang berkenaan.

**Terkini, terdapat penipuan satu-klik yang menggunakan aplikasi telefon pintar dan perkhidmatan media sosial seperti blog / perkhidmatan rangkaian sosial.**

Selain kes penipuan "satu-klik", skrin bil pembayaran hanya akan dipaparkan selepas beberapa pengesahan seperti pengesahan umur, dan lain-lain lagi.

Terdapat beberapa kes lain, teknik yang digunakan lebih licik dan canggih, seperti skrin bil tidak hilang walaupun selepas plug kuasa peranti telah ditutup.



## RISIKO & ANCAMAN

**"Klik pada imej atau video percuma juga boleh menyebabkan pengguna dicaj tanpa disedari atau pengguna di halakan ke laman sesawang palsu/penipuan yang lain."**

**"Terdapat beberapa kes di mana alamat IP atau maklumat pembekal disenaraikan pada skrin bil untuk menimbulkan rasa takut dan ianya kelihatan seperti individu itu telah dikenal pasti."**

## LANGKAH - LANGKAH KESELAMATAN

- 1.** Halang percubaan untuk capaian ke laman sesawang palsu/penipuan dengan menggunakan perisian penapisan atau lain-lain perisian keselamatan terkini. Juga pastikan hanya memuat turun aplikasi telefon pintar hanya dari laman sesawang penyedia aplikasi/perkhidmatan yang boleh dipercayai.
- 2.** Berhati-hati apabila menggunakan PC dan peranti pintar, penipuan satu-klik tidak dapat mengenal pasti anda, jadi jangan bertindak balas kepada cubaan untuk sebarang pembayaran. Untuk telefon pintar, berhati-hati terhadap sebarang aplikasi kerana maklumat yang disimpan pada peranti seperti maklumat peribadi dan maklumat sensitif lain mungkin didedahkan.
- 3.** Jika anda terjumpa salah satu daripada laman-laman sebegini, atau caj yang tidak diketahui dalam bil atau jika anda menerima perintah mahkamah, sila rujuk dan berunding dengan pihak berkuasa (kaunseling pentadbiran atau perundingan peguam percuma, dan lain-lain) untuk mendapatkan nasihat.

## AKTIVITI UNIT PERAKGIS DARI OGOS HINGGA NOVEMBER

Nama : Simposium Maklumat Geospasial Kebangsaan (NGIS KE-7)  
 Tarikh : 8 Ogos 2016 - 9 Ogos 2016  
 Tempat : Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC)




Nama : Kursus Aplikasi MyGeotranslator kepada Warga Unit PerakGIS dan  
 Agensi Teknikal Negeri Perak  
 Tarikh : 6 September 2016 - 8 September 2016  
 Tempat : K-ICT Training Lab 2, Tingkat 14 Bangunan PTTC, Ipoh Perak





Nama : Bengkel Penggunaan Sistem Maklumat e-Desa Daerah Manjung  
 Tarikh : 10 Oktober 2016 - 18 Oktober 2016  
 Tempat : Pusat Internet 1 Malaysia Kampung Sitiawan & Batu 13, Lekir



Nama : Taklimat Peta Interaktif PerakGIS kepada wakil Pejabat Projek Zon Tengah & JPBD Semenanjung Malaysia  
 Tarikh : 12 Oktober 2016  
 Tempat : K-ICT Training Lab 2, Tingkat 14 Bangunan PTTC, Ipoh Perak



Nama : Bengkel Penggunaan Sistem Maklumat e-Desa Daerah Larut Matang  
 Tarikh : 17 Oktober 2016 – 26 Oktober 2016  
 Tempat : Pusat Internet 1 Malaysia



Nama : Kursus ArcGIS Desktop Basic & Intermediate  
 Tarikh : 25 Oktober 2016 – 27 Oktober 2016  
 Tempat : Bilik Latihan Komputer, Bahagian Pengurusan Maklumat, SUK Perak



Nama : Mini Karnival Merayakan Teknologi e-Desa Daerah Larut Matang  
 Tarikh : 24 November 2016  
 Tempat : Dewan Serbaguna Taman Bukit Mas, Taiping





MINI KARNIVAL  
**MERAKYATKAN TEKNOLOGI E-DESA**  
 SEMPENA PEMUKIMAN Y.A.B. MENTERI BESAR NEGERI PERAK 2016

DIRASMIKAN OLEH :

**YB. DATO' NOLEE ASHILIN BINTI DATO' MOHAMMED RADZI**  
 Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Kesenian dan Kebudayaan,  
 Komunikasi dan Multimedia



